



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

TAWARAN HEBAHAN PROMOSI PAKEJ DAN DISKAUN PELANCONGAN DOMESTIK SECARA PERCUMA DI LAMAN WEB MALAYSIA.TRAVEL

Semua penggiat industri pelancongan, kesenian dan kebudayaan dipelawa untuk mempromosi tawaran pakej istimewa dan diskaun menarik melibatkan produk dan destinasi pelancongan domestik terkini secara percuma di laman sesawang yang dibangunkan oleh Tourism Malaysia, malaysia.travel.

Platform tersebut yang terbuka khususnya kepada ejen pelancongan, hotel dan premis penginapan pelancong, antara lain merupakan salah satu usaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk membantu pihak industri bagi menguar-uarkan serta menyebarkan promosi pelancongan domestik.

Adalah diharap dengan langkah ini, ia dapat menyemarakkan lagi kempen Cuti-Cuti Malaysia sekali gus menggalakkan orang ramai untuk keluar melancong bagi menyokong industri pelancongan tempatan yang telah dibuka semula mulai 10 Jun lalu dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Setakat 2 Julai 2020, sebanyak 136 pakej dan *e-voucher* telah dimuat naik dalam laman sesawang tersebut melibatkan 24 ejen pelancongan tempatan yang telah mendaftar secara atas talian.

Para penggiat industri yang berminat untuk mempromosi tawaran pakej dan diskaun menarik bagi produk mahupun destinasi pelancongan masing-masing, perlu menghantar permohonan melalui pendaftaran akaun terlebih dahulu di <https://www.malaysia.travel/merchant>

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

3 JULAI 2020

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT MENTERI

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac